

SALWANI MD ZAIN salwani@sinarharian.com.my

Meneroka alam semula jadi mampu menenangkan fikiran seseorang sambil mensyukuri nikmat ciptaan ALLAH. Dan alam yang menyimpan seribu satu rahsia ini jugalah menjadi inspirasi penuntut Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam membentuk kelab yang memperjuangkan alam sekitar.

Dikenali dengan nama Kelab Ekorelawan UKM, ia mula ditubuhkan pada pertengahan 2010 ketika pelancaran program UKM Kampus Lestari.

Ekorelawan adalah kelab yang mengumpulkan semua sukarelawan alam sekitar UKM merangkumi pelajar, kakitangan dan alumni UKM yang menjalankan aktiviti alam sekitar berasaskan ilmu, masyarakat, dan kesihatan persekitaran.

Objektif utama adalah untuk menerapkan kepada ahli mencintai alam sekitar, memberikan pendedahan dan pengetahuan tentang alam sekitar serta ekosistem. Ia juga menyediakan platform kepada ahli untuk mempraktikkan amalan kesukarelawanan alam sekitar

DIBARISI PEMIMPIN BERKALIBER

Menurut Pengasas dan Penasihat Ekorelawan, Datuk Shahrudin Mohamad Ismail yang juga Felo Penyelidik Utama, penubuhan ekorelawan UKM adalah melibatkan tiga komponen utama, iaitu alam sekitar, pendidikan dan khidmat masyarakat.

Pelantikan Shahrudin yang berpengalaman luas bertugas sebagai Timbalan Pengarah di Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) sebelum ini, terus memberi suntikan dan semangat baru kepada ahli dan kelab.

Dari segi latar belakang pula, beliau juga merupakan Ketua Penyelidik, Ketua Membina Modul *Ecosystem Discovery Module* (ED) dan Ketua Penyelidik Pengurusan Hutan/Landskap.

Ahli Ekorelawan UKM diwajibkan menyertai kursus asas ekorelawan tahap satu di dalam Hutan Pendidikan Alam (HPA) UKM. UKM satu-satu kampus yang mempunyai hutan simpan dalam kampus. Pendedahan ini secara tidak langsung membantu ahli mengenali hutan dan mudah turun padang memberikan khidmat masyarakat kepada komuniti.

Beri peluang pelajar mendalami ilmu hutan

SHAHARUDDIN



Ekorelawan UKM pejuang alam sekitar



Ke semua peserta asas ekorelawan ini akan diperkenalkan kepada tiga modul iaitu hutan, air dan tanah untuk beri pendedahan kepada ekosistem bumi. Ketiga-tiga modul ini di kenali *Ecosystem Discovery Module*.

Menurut Shahrudin, pelajar sepatutnya didedahkan konsep dan praktikal dalam melestarikan alam sekitar dan ia seharusnya bermula di universiti, sama ada secara langsung atau melalui pelbagai program kemahasiswaan. Ia juga sewajarnya dimasukkan dalam silibus kurikulum pengajian di universiti.

"Kampus Lestari satu inisiatif yang difikirkan relevan dalam memupuk dan memperkukuhkan pemahaman serta amalan mencintai alam sekitar dalam kalangan mahasiswa," katanya.

Sementara itu, Presiden Kelab Ekorelawan UKM, Tengku Muhammad Adiduddin Shah, berkata, keahlian kelab tidak mengikut kolej atau fakulti, mana-mana pelajar yang berminat dengan alam sekitar dan mempunyai inisiatif

untuk menjaga alam sekitar boleh menyertainya.

"Sehingga Mac tahun ini, keahlian mencecah 500 orang. Kelab ini terbuka kepada semua pihak terutama mahasiswa, juga dialu-alukan penyertaan daripada golongan sokongan dan pentadbiran universiti dan Alumni UKM," katanya.

Membawa tema, Ekorelawan adalah *Dengan Ilmu Kami Berkhidmat Kepada Masyarakat*, sebahagian besar program kelab ini dibiayai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan syarikat korporat.

Menurut ahli baharu, Noor Suzila Yatim, dia menyertai Ekorelawan untuk menimba ilmu pengetahuan mengenai alam sekitar secara holistik.

Menurutnya, dia juga mempraktikkan amalan kelestarian dalam kehidupan



harian. Padenya, menyertai Ekorelawan UKM adalah salah satu cara berkesan mendisiplinkan diri menjadi individu yang mencintai dan meminati kelestarian alam.

"Walaupun saya bukan daripada aliran sains, tetapi saya amat meminati ilmu sains alam sekitar. Ekorelawan berjaya didik saya jadi insan yang menjiwa alam," katanya.

Dalam pada itu, Shahrudin memberitahu, pada masa akan datang Kelab Ekorelawan bercadang mengadakan program Sukarela di Sabah, Sarawak, atau melibatkan diri dalam program sukarelawan di luar negara.

"Setiap ahli akan mempunyai kad keahlian dan boleh digunakan sebagai kad *Touch & Go*. Kelab juga dalam pertimbangan menganjurkan kursus Ekorelawan UKM Tahap Tiga, pendedahan dalam mencari iktibar hidup di dalam hutan (*jungle survivor*)," katanya.

INFO

Kelab atau persatuan yang mempunyai cerita menarik untuk dikongsikan, sila email kepada salwani@sinarharian.com.my

Kerjasama dari Canon Malaysia dan Payalindah Wetland semasa program penanaman pokok di Payalindah Wetland, Dengkil, baru-baru ini.